



YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH
No.56A, Jalan Teluk Wanjah, 05200 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7302703 No. Fax : 04-7303713
Laman web : www.yink.gov.my e-mel : info@yink.gov.my

**PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH
KE UNIVERSITI DI TIMUR TENGAH (MESIR & JORDAN) YANG DIIKTIRAF
OLEH KERAJAAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN
ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS) BAGI TAHUN 2024/2025**

Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) mempelawa calon yang berkelayakan untuk memohon pinjaman pendidikan bagi melanjutkan pengajian di dalam bidang Sains Kesihatan dan Pengajian Islam Peringkat Ijazah Sarjana Muda di dalam dan luar Negaa.

SYARAT PERMOHONAN PINJAMAN YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

1. **ANAK NEGERI KEDAH DARUL AMAN** seperti takrif berikut :
 - a. Beragama Islam;
 - b. Pemohon atau ibu bapa yang dilahirkan di Negeri **KEDAH DARUL AMAN**; ATAU
 - c. Pemohon atau ibu bapa lahir di luar Negeri Kedah dan telah bermastautin/menetap di Negeri Kedah **melebihi dari sepuluh (10) tahun hendaklah** mengemukakan surat pengesahan pemastautin daripada Pegawai Daerah/Penghulu Mukim bersama pengesahan Imam Kariah;
 - d. Tidak mendapat sebarang tajaan daripada mana-mana pihak;
 - e. Institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi (Mesir & Jordan) dan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).
 - f. Pemohon yang layak memohon adalah mengikut bidang pengajian / kursus yang telah ditetapkan oleh pihak Yayasan Islam Negeri Kedah.
 - g. Berikut adalah senarai bidang pengajian / kursus yang ditawarkan bagi peminjam :

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	JUMLAH PINJAMAN YANG DIKELUARKAN (SETAHUN)	SYARAT KELAYAKAN
1.	IJAZAH SARJANA MUDA UNIVERSITI DI MESIR	Sains Kesihatan (Perubatan, Pergigian dan Farmasi)	RM40,000.00 (Yuran) RM10,000.00 (Elaun Buku dan Sarahidup)	Pelajar tahun 1 yang sedang dalam pengajian layak memohon Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Kimia, Fizik dan Biologi
2	IJAZAH SARJANA MUDA UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)	Perubatan	RM50,000.00	Pelajar tahun 1 yang sedang dalam pengajian layak memohon Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Kimia, Fizik dan Biologi
3	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM DI MESIR	Pengajian Islam/ Bahasa Arab / Tahfiz Al Quran / Ulum Islamiah	RM8,000.00	Pelajar tahun 1 dan ke atas layak memohon (Pelajar yang masih di Markaz Bahasa tidak layak memohon) Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam semua mata pelajaran berikut Bahasa Malaysia, Bahasa Arab /Tinggi/ Komunikasi, Pendidikan Al Quran dan As-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	JUMLAH PINJAMAN YANG DIKELUARKAN (SETAHUN)	SYARAT KELAYAKAN
4.	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM DI JORDAN	Pengajian Islam/ Syariah& Undang- Undang	RM15,000.00	<p>Pelajar tahun 1 dan ke atas layak memohon</p> <p>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam semua mata pelajaran berikut:</p> <p>Bahasa Malaysia, Bahasa Arab /Tinggi/ Komunikasi, Pendidikan Al Quran dan As-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah</p>
5.	DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)	Perakaunan	RM10,000.00	<p>Pelajar tahun 1 dan ke atas layak memohon</p> <p>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran berikut:</p> <p><i>Mathematic/Additional Mathematics</i></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.30 pada peringkat Matrikulasi/Asasi.</p>

Pohon Rujuk Panduan & Langkah Permohonan Pinjaman Pendidikan bagi mengelak berlakunya kesalahan dalam permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Borang permohonan yang telah diisi hendaklah dicetak dan dihantar **sebelum atau pada 25 November 2024** beserta salinan sijil dan dokumen yang telah disahkan.